

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, July 23, 2018 10:23 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bidasari Angkat Mek Mulung Di Persada Antarabangsa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

23 JULAI 2018 / 10 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Budaya dan Seni

BIDASARI ANGKAT MEK MULUNG DI PERSADA ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Bagi menyemarakkan nilai seni dan budaya Negeri Kedah, Kumpulan Bidasari Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengangkat seni teater tradisional Mek Mulung sempena aktiviti Cultural Academic Presentation 20th IMT-GT Varsity Carnival yang berlangsung semalam di LTS, Bangunan Hal Ehwal Pelajar, UiTM Perlis.

Mek Mulung atau Mek Mulong merupakan seni teater tradisional masyarakat yang terkenal di negeri Kedah dan melalui program IMT-GT ini PBS telah mengambil inisiatif dalam usaha memelihara dan memulihara salah satu warisan seni ini di samping memperkenalkan di persada antarabangsa.

Menurut Pengarah PBS yang juga sebagai Pengerusi Kebudayaan IMT-GT Huzaidy Hussain, Mek Mulung berasal dari negeri Kedah yang bermula di Ligor, Thailand, seterusnya berkembang di Kampung Wang Tepus, Tanah Merah di Jitra dan pembentangan ini adalah sebagai satu usaha pemuliharaan dan pembangunan kesenian tradisional negara.

"Mek Mulung ialah teater tradisional masyarakat Melayu yang menggabungkan unsur lakonan, nyanyian, tarian dan muzik dalam satu persembahan yang menghimpunkan 20 cerita hikayat asal tetapi hanya empat cerita popular sahaja dimainkan iaitu Putera Cahaya Bulan, Dewa Muda, Dewa Kaca dan Malim Bongsu.

"Karnival ini adalah salah satu usaha yang baik dan mesti diteruskan bagi mendalami dan menghargai lagi warisan budaya setiap negara serta dapat membangkitkan lagi semangat nasionalisme dalam kalangan mahasiswa," jelasnya.

Tambah beliau, teater tradisional Mek Mulung adalah satu produk seni Negeri Kedah dan menjadi tanggungjawab UUM untuk memelihara warisan agar tidak luput ditelan zaman.

Tarian ini juga telah dipersembahkan oleh 16 orang penari Kumpulan Bidasari PBS.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.